



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

(Ministry of Health Malaysia)

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E, Presint 1

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590 PUTRAJAYA

Tel. : 603-8000 8000

Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.500-2/35/174 JLD. 11 (45)

Tarikh : 17 November 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan,

**URUSAN PERTIMBANGAN PEMANGKUAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
GRED M9 KE GRED M10 BAGI KUMPULAN LANTIKAN 1 DISEMBER 2022 DAN
SEBELUM**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang menyelaras urusan pertimbangan bagi pemangkuhan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M9 ke Gred M10 Lantikan 1 Disember 2022 dan sebelum. Bagi urusan ini, syarat-syarat pegawai yang layak dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- 2.1 Dilantik sebagai PTD Gred M41 (Gred Sistem Saraan Malaysia – SSM) pada atau sebelum 1 Disember 2022;
- 2.2 Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- 2.3 Tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kekananan berubah ke tarikh 2 Disember 2022 dan seterusnya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:
 - i. Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda;
 - ii. Cuti Separuh Gaji / Cuti Tanpa Gaji;
 - iii. Tidak hadir bertugas tanpa kebenaran / lucut hak emolumen; atau
 - iv. Telah dikenakan hukuman tatatertib.
- 2.4 Memperoleh prestasi 85% dan ke atas bagi LNPT tiga tahun terkini berdasarkan wajaran markah dengan markah prestasi pada tahun terakhir mencapai sekurang-kurangnya 85%;
- 2.5 Memperoleh markah kombinasi kompetensi dan potensi sekurang-kurangnya Gred B;
- 2.6 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.7 Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh 5 tahun terkini;
- 2.8 Bebas daripada senarai peminjam pendidikan tegar dan menandatangani Surat Akuan Pinjaman Institusi/ Tabung Pendidikan;
- 2.9 Bebas daripada hukuman tatatertib; dan
- 2.10 Diperaku oleh Ketua Jabatan.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mengemukakan dan melengkapkan dokumen-dokumen seperti berikut:

- 3.1 LAMPIRAN A (Maklumat Perkhidmatan Pegawai);
- 3.2 LAMPIRAN B (Perakuan Ketua Jabatan);
- 3.3 LAMPIRAN C (Surat Akuan Pinjaman Pendidikan);
- 3.4 Salinan Pengesahan Pengisytiharan Harta;
- 3.5 Salinan Keputusan Tapisan Keutuhan SPRM terkini; dan
- 3.6 Borang Pemerhatian Penilaian Potensi Kepimpinan;

4. Unit Sumber Manusia di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing adalah bertanggungjawab untuk memastikan hanya maklumat pegawai yang layak dipertimbangkan sahaja dikemukakan. Dimohon PTJ untuk menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah betul dan tepat bagi mengelakkan kesilapan fakta yang boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan.

5. Semua dokumen yang telah lengkap perlu dikemukakan **sebelum atau pada 5 Disember 2025** menggunakan format senarai semak seperti di **Lampiran A** ke alamat berikut:

**Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia
Unit Naik Pangkat Profesional 3
Aras 9, Blok E7, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Norrasyidah binti Jerani)**

6. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan, maklumat dan dokumen berkaitan bagi urusan pemangkuan ini juga boleh didapati di Portal Rasmi KKM (<https://www.moh.gov.my>). Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut:

Puan Lijawati binti Daud
☎: 03-8883 3224
✉: lijawati@moh.gov.my

Puan Nurul Izza binti Ahmad
☎: 03-8883 2431
✉: nurul_izza@moh.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr./ Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORRASYIDAH BINTI JERANI)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia